

Kerajaan Ukraine Dakwa Penganas Cuba Musnahkan Bukti Nahas MH17
Bernama
July 19, 2014

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Kerajaan Ukraine hari ini mendakwa kumpulan penganas pro-Rusia sedang cuba memusnahkan bukti di lokasi nahas pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17.

Menurut portal kerajaan itu www.kmu.gov.ua, pihak berkuasa dimaklumkan kumpulan penganas sudah memindahkan 38 jasad ke rumah mayat di Donetsk, yang menurut seorang 'pakar' yang bercakap dalam loghat Rusia, untuk dibedah siasat.

Laporan itu juga mendakwa kumpulan penganas terbabit menghalang komuniti antarabangsa dan pihak kerajaan memasuki kawasan nahas.

"Ini bagi menghalang siasatan dan kumpulan penganas juga sedang berusaha mendapatkan pengangkut kargo yang besar bagi memindahkan bangkai pesawat ke Rusia," dakwa laporan tersebut.

Sehubungan itu, kerajaan Ukraine menggesa masyarakat antarabangsa agar mendesak Rusia mengeluarkan kumpulan penyokongnya dari Ukraine.

"Mereka juga harus membenarkan pakar Ukraine dan antarabangsa menjalankan siasatan menyeluruh.

"Tiada maaf bagi penjenayah antarabangsa mahupun pihak yang menyokong, melatih, menyalurkan bantuan kewangan dan membekalkan senjata kepada mereka," lapor portal itu.

Menurut laporan itu lagi kerajaan Ukraine bersedia mengadakan segala kelengkapan yang perlu dan petugas bagi tujuan siasatan serta menghantar pulang jasad mangsa ke negara masing-masing.

"Akan tetapi pada masa ini, kumpulan penganas pro-Rusia menghalang semua ini," lapor portal tersebut.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054833>